

Bahan mentah bersepah atas lantai!

Kuala Lumpur: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengeluarkan 45 kompaun dan mengarahkan satu premis di ibu negara ditutup, selepas mendapati tahap kebersihan premis terbabit tidak memuaskan ketika Operasi Sepadu Bersih, pada 8 November lalu.

Dalam kenyataan di Facebook semalam, DBKL memaklumkan 52 premis diperiksa dan didapati ada premis yang tidak bersih, bahan mentah diletakkan di atas lantai serta terdapat makhluk perosak di sekitar premis.

Menurut DBKL, ada juga pekerja di premis terbabit tidak mengambil suntikan tifoid dan penyalahgunaan lorong belakang untuk membasuh peralatan memasak.

"Hasil pemeriksaan ke atas 52 premis, satu premis dikenakan tindakan arahan penutupan mengikut Undang-Undang Kecil Pelesenan Petempatan Makanan 28(1) WPKL 2016.

"45 kompaun dikeluarkan atas pelbagai kesala-



Hasil pemeriksaan ke atas 52 premis, satu premis dikenakan tindakan arahan penutupan mengikut Undang-Undang Kecil Pelesenan Petempatan Makanan 28(1) WPKL 2016"

Kenyataan DBKL

han mengikut Undang-Undang Kecil Pelesenan Petempatan Makanan WPKL 2016 dan Undang-Undang Kecil Pengendali Makanan 1979," katanya dalam kenyataan.

DBKL berkata, operasi itu dilaksanakan 36 petugas dari Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar DBKL di Jalan Bukit Cheras dan Taman Bukit Anggerik, Jalan Radin Bagus 7, Kiosk tingkat bawah Hospital Pantai KL dan Mid Valley Megamall, Jalan Wan Kadir dan Rivercity Plaza, Selangor Mansion dan Pertama Kompleks.



ANTARA premis kotor yang dikenakan kompaun.